




kualiti
terbaik



Cukup matang, kelihatan segar, bersih dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.


X kualiti yang tidak dikehendaki pasaran

Peria yang mengalami kecacatan dan rosak.

- Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan yang teruk.



kualiti yang diterima pasaran



Cukup matang, kelihatan segar dan bersih. Terdapat kecacatan yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.

- Rosak disebabkan oleh haiwan perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjadikan jangkahan dan pemakanan dan kualiti.



Siri Panduan KUALITI PERIA



Iun 06



Carangan Pembangunan Kualiti & Pengembangan
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANAH MALAYSIA
Bogong FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Selangor
48100 Batu Caves, Selangor, Malaysia.
Tel : 603-6138 9622 Fax : 603-6138 3650 e-mail : fama@pop.moa.my

www.famaxchange.org

PERIA atau nama botaninya *Momordica charantia L.* dari keluarga Cucurbitaceae mempunyai batang yang lembut dan memanjang dengan melilit menggunakan sulur-paut. Ia diperkatakan berasal dan ditanam di Timur India, Selatan China dan Caribbean. Pada masa ini, ia terdapat di semua kawasan tropika dan digemari oleh penduduk Asia Tenggara dan China.

Tanaman Peria memerlukan air yang banyak dan saliran yang baik disamping mendapat cahaya matahari yang cukup. Suhu kawasan yang sesuai untuk penanaman ialah 28-32°C, dengan taburan hujan 168 mm sebulan. Antara kultivar yang disyorkan untuk ditanam ialah varieti Peria tempatan. Ia mempunyai permukaan yang menggerutu, berwarna hijau muda, berbentuk silinder memanjang dan rasanya pahit. Selain mempunyai permintaan yang baik, pengeluarannya juga agak tinggi sehingga 15-20 tan sehektar.

kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa bakteri racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.

Untuk mencapai tahap kualiti ini, Peria perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Penuduhan perlu dilakukan pada tahap optimum iaitu antara 8-9 minggu selepas ditanam. Buah dikutip dengan memotong tangkal sebaik-baiknya pada waktu cuaca agak sejuk untuk mengelakkan kecederaan disebabkan suhu tinggi. Suhu yang disyorkan untuk simpanan sementara ialah 5-7°C dengan kadar kelembapan relatif 85-90%.

indeks kematangan

Tahap kematangan Peria dibahagikan kepada empat (4) indeks berikut :

Indeks 1

Agak matang.
Kulit berwarna hijau muda atau pekat mengikut varieti. Lurah-lurah di permukaan kulit belum sempurna kembang. Ruang biji mengandungi gabus dan biji bewarna putih kekuningan.



Indeks 2

Matang.
Kulit berwarna hijau muda atau pekat serta sedikit kuning mengikut varieti. Ruang biji mengandungi gabus dan biji bewarna putih kekuningan dan sedikit kemerah. Keadaan gabus mengecut.



Indeks 3

Lebih matang.
Kulit berwarna hijau muda atau pekat yang kekuningan mengikut varieti. Ruang biji mengandungi gabus yang mengecut. Biji bewarna putih kekuningan dan merah. Keadaan permukaan kulit agak lembut bila dipisahkan.



Indeks 4

Terlalu matang.
Warna kulit kuning oranye melebihi dari hijau muda atau pekat mengikut varieti. Empulur mengandungi sedikit gabus yang mengecut. Biji keseluruhan bewarna merah. Keadaan permukaan kulit mulai kecut dan lembut bila dipisahkan.

pengelasan gred

Peria dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Peria dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan berbentuk lurus. Mempunyai saiz dan kematangan yang selagam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau rosak.	Kematangan ≤5% Segar ≤3% Rosak ≤5% Kecacatan ≤5% Keseragaman saiz ≤5%
1	Peria dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih dan berbentuk lurus atau sedikit lengkok. Mempunyai saiz dan kematangan yang selagam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau rosak.	Kematangan ≤5% Segar ≤3% Rosak ≤10% Kecacatan ≤5% Keseragaman saiz ≤10%
2	Peria dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih dan berbentuk lurus atau sedikit lengkok. Mempunyai saiz dan kematangan yang selagam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau rosak.	Kematangan ≤10% Segar ≤3% Rosak ≤10% Kecacatan ≤10% Keseragaman saiz ≤10%

pengelasan saiz

Bagi Peria, saiz ditentukan oleh garis pusat dalam unit sentimeter (sm) seperti jadual berikut :

Saiz	Kod	Garis Pusat (sm)	Panjang (sm)
Terlalu besar	XL	>8.0	Beda antara yang terpendek dan terpanjang
Besar	L	>6.5 - 8.0	tidak melebihi 10 sm dalam kategori saiz dan tidak melebihi 10% dari segi bilangan.
Sedang	M	>5.0 - 6.5	
Kecil	S	3.5-5.0	